

KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS

^aNuraisyah Adnie Abd Rahman

^bAliza Alias

^a*Sekolah Kebangsaan Batu Unjur, Klang 41200, Malaysia*

^b*Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600, Malaysia*

^aaisyahadnie@gmail.com

^beliza@ukm.edu.my

ABSTRAK: *Program transisi kerjaya adalah usaha positif dalam memberi peluang kepada murid berkeperluan khas untuk menerima latihan kemahiran dan pengalaman dalam dunia pekerjaan. Guru memainkan peranan yang penting dalam membantu murid menguasai kemahiran pekerjaan. Latihan transisi kerjaya yang baik memberi peluang kepada mereka untuk bekerja seperti individu yang lain. Justeru, artikel ini adalah tentang kesediaan guru dalam pelaksanaan program transisi bagi murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Tiga aspek kesediaan dikaji adalah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Kajian tinjauan ini dijalankan terhadap 83 orang guru Pendidikan Khas di sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik Likert-5 yang mengandungi empat bahagian iaitu latar belakang guru, pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana, tahap kemahiran yang rendah dan tahap sikap yang tinggi. Keseluruhannya, dapatan kajian bagi kesediaan guru dalam pelaksanaan program transisi bagi murid berkeperluan khas adalah berada di tahap sederhana berdasarkan ketiga-tiga aspek yang ditinjau.*

Kata kunci: Program transisi kerjaya, murid berkeperluan khas, kesediaan guru, pengetahuan, kemahiran, sikap.

PENGENALAN

Program transisi kerjaya merupakan satu program yang dirancang khusus untuk pelajar bermasalah pembelajaran dalam usaha menguasai kemahiran yang diperlukan supaya dapat pengalaman bekerja di tempat kerja sebenar (Aliza 2015). Ini termasuklah latihan vokasional, pekerjaan, perkhidmatan kemasyarakatan, latihan hidup berdikari dan sebagainya (Azizah 2011, Bernaldez 2015). Pelaksanaan transisi hendaklah diselaraskan mengikut minat, memerlukan pengajaran, latihan berkaitan, pengalaman, pembangunan dalam pekerjaan dan objektif kehidupan dewasa yang lain-lain (Aliza 2013).

Murid berkeperluan khas berhak diberi peluang untuk menerima latihan untuk bersedia menjalani kehidupan selepas sekolah seperti rakan-rakan yang lain sama ada melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau bekerja. Menurut Idayu dan Hisyam (2015), cabaran paling besar bagi golongan berkeperluan khas di Malaysia pada hari ini adalah mendapat peluang pekerjaan di mana laluan kerjaya untuk mereka adalah kurang jelas. Oleh itu,

transisi dapat membantu perkembangan kerjaya individu-individu berkeperluan khas ini seperti kemahiran interpersonal dan kemahiran vokasional. Individu sekeliling murid Pendidikan Khas ini memainkan peranan yang penting bagi memastikan transisi berjalan lancar dan mencapai objektif. Antara individu yang dimaksudkan ini adalah guru Pendidikan Khas.

Akta Individuals With Disabilities Education Act (IDEA 2004) banyak memberikan implikasi kepada guru-guru dan pelajar-pelajar Pendidikan Khas. Menurut Idayu dan Hisyam (2015), IDEA memberi keutamaan kepada Malaysia untuk melaksanakan pelan transisi dan latihan vokasional untuk murid berkeperluan khas. Oleh itu, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) perlu disertakan dengan komponen transisi yang spesifik seperti kenyataan mengenai keperluan perkhidmatan transisi dan agensi yang terlibat (Carter et al. 2014). Pelan transisi yang disediakan oleh guru juga dapat memberi maklumat kepada ibu bapa tentang perancangan yang dapat dilalui

oleh anak-anak mereka kelak (Tiana Povenmire-Kirka 2015).

Guru mestilah mempertimbangkan minat, pilihan dan keperluan murid dalam melaksanakan transisi (Aliza 2013; Lauren Lindstrom 2014). Menurut Idayu dan Hisyam (2015), program transisi kerjaya yang dijalankan dengan bersungguh-sungguh untuk murid berkeperluan khas berjaya melatih mereka berkemahiran dan mampu bekerja. Namun, untuk mengimplementasikan latihan transisi ini bukanlah mudah. Bernaldez (2015) menyatakan guru menghadapi cabaran untuk menyediakan murid untuk memasuki tempat kerja dan berdaya saing. Kekurangan latihan dan kemahiran akan menyebabkan hasil kualiti murid yang tidak memberangsangkan. Apabila pelajar tidak dilengkapi kemahiran dengan secukupnya, maka transisi akan sukar untuk dijayakan (Cheong & Sharifah 2013). Guru yang tidak bersedia dan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan transisi pada murid akan menyebabkan murid-murid ini tidak menerima latihan yang sepatutnya.

Latar belakang

Menurut Cheong dan Sharifah (2013), kebanyakan individu berkeperluan khas kurang mendapat peluang pekerjaan dan hanya menganggur selepas tamat persekolahan. Kebanyakan mereka juga tidak didedahkan dengan peluang pekerjaan semasa berada di sekolah (Lindstrom et al. 2014, Cheong & Sharifah 2013). Individu berkeperluan khas yang tamat persekolahan tanpa perancangan masa depan dan tidak menerima latihan transisi secukupnya amat membimbangkan. Mereka mungkin hanya akan duduk di rumah tanpa bekerja walaupun mempunyai kemahiran asas yang masih boleh diasah (Aliza 2013).

Sekolah merupakan tempat yang penting untuk murid-murid menerima latihan transisi secukupnya. Program transisi kerjaya bukan sahaja memberikan pendedahan kepada latihan pra vokasional malah melatih murid untuk ke tempat kerja semasa murid berada di sekolah. Guru pendidikan khas merupakan kunci atau faktor utama penyumbang ke arah pelaksanaan transisi (Shogren & Plotner 2012, Wagner, M., Newman, Cameto, Javitz, & Valdes, 2012). Oleh itu, kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah penting. Menurut Siti Mardziah (2013), pengetahuan ditakrifkan sebagai maklumat dan kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman atau pendidikan. Kemahiran adalah kecekapan kognitif termasuklah pengetahuan mendalam dalam bidang yang diceburi (Mohd Izwan et al. 2016). Sikap guru yang positif pula penting untuk mendorong murid mempelajari sesuatu subjek. Sikap dan keyakinan serta efikasi yang tinggi dari guru ini dapat membantu memudahkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (Siti Hajar & Suguneswary 2016).

Penyataan masalah

Lazimnya, murid berkeperluan khas menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan. Salah satu puncanya mungkin kerana mereka kurang persediaan semasa di sekolah. Menurut Cheong & Sharifah (2013), individu berkeperluan khas memerlukan bimbingan apabila memasuki dunia pekerjaan. Maka, wujudlah program transisi kerjaya di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan sistem pendidikan berkenaan program transisi kerjaya di Malaysia adalah tidak jelas (Madinah 2016). Sesungguhnya, penyediaan pelajar ke alam dewasa dan pekerjaan bermula sejak awal kehidupan lagi yang melibatkan masa pelajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah tinggi (Madinah 2014). Oleh itu guru merupakan pelaksana dalam proses transisi dimana program transisi dapat mendedahkan murid kepada pengalaman dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan seperti kemahiran vokasional, kemahiran komunikasi, dan kemahiran sosial.

Ramai guru kurang pengetahuan dan kemahiran untuk melibatkan diri dalam perancangan transisi murid walaupun sedar tentang kepentingan perancangan awal transisi. Ini dipersetujui oleh Papay et al. (2015) dan Shields et al. (2016). Guru perlu berusaha mendorong pelajar agar terus meningkatkan kemahiran yang dipelajari dalam program transisi (Aliza 2015). Lantaran itu, guru hendaklah berkemahiran dan faham dengan jelas aspek-aspek dalam program transisi dalam melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mengikut perkembangan masa.

Kurangnya kesedaran tentang kepentingan transisi akan menyebabkan murid terabai dan tidak mendapat latihan transisi yang sepatutnya. Oleh itu sikap seseorang guru sangat penting kerana sikap positif akan memberi impak yang besar pada pelajar (Siva dan Mohd Isa 2016). Kajian oleh Kirka et. al (2015) menyatakan bahawa kurangnya kesedaran guru dalam kolaborasi di sekolah bagi menjayakan transisi pelajar berkeperluan khas. Sesungguhnya, pembangunan pelajar menekankan pekerjaan dan kemahiran cara kerja melalui latihan berasaskan sekolah dan pengalaman kerja dalam lapangan sebenar (Madinah 2014). Oleh itu, artikel ini membincangkan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan transisi kepada murid pendidikan khas. Tiga aspek kesediaan yang dilihat adalah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dijalankan di sekolah menengah yang masih belum menjalankan program transisi pada murid berkeperluan khas. Populasi kajian terdiri daripada 103 guru Pendidikan Khas. Soal selidik diedarkan dan 83 soal selidik diterima kembali. Jumlah sampel ini sudah memadai untuk mewakili populasi berdasarkan jadual persampelan Krieje dan Morgan (1970). Pemilihan sampel ini dibuat menggunakan kaedah persampelan

bertujuan. Kesemuaan sampel adalah guru yang mengajar murid Pendidikan Khas di sekolah menengah di daerah Klang. Murid pendidikan khas yang dimaksudkan adalah murid bermasalah pembelajaran.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan instrumen soal selidik untuk mengukur tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan program transisi bagi murid berkeperluan khas. Tiga aspek kesediaan yang dikaji adalah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Soal selidik dibahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A berkaitan latar belakang guru. Bahagian B ialah soal selidik pengetahuan guru yang mengandungi 8 item. Manakala bahagian C ialah soal selidik kemahiran guru yang mengandungi 8

item. Bahagian terakhir iaitu bahagian D pula mengandungi 8 item soal selidik sikap guru. Instrumen soal selidik Likert-5 dibina berdasarkan Model Epstein (Stein 2009). Responden diminta menyatakan persetujuan dan skala kepada item-item yang dibina.

Analisis data dibuat berdasarkan 83 soal selidik yang diperolehi dari guru-guru di 8 buah sekolah menengah Pendidikan Khas daerah Klang. IBS SPSS Statistic 22 digunakan bagi mendapatkan statistik deskriptif dalam menentukan tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan program transisi bagi murid berkeperluan khas. Penilaian skor adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Interpretasi skor min untuk tahap

Nilai Min	Tahap
3.668-5.000	Tinggi
2.334-3.667	Sederhana
1.000-2.333	Rendah

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan program transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas

Tiga aspek kesediaan dikaji iaitu kesediaan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan program

transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas. Berdasarkan jadual 2, tahap setiap aspek kesediaan diinterpretasikan dalam bentuk peratus bagi membezakan tahap antara satu sama lain.

Jadual 2: Tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan program transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas

Kesediaan/ Tahap	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Pengetahuan	11 (13.3%)	48 (57.8%)	24 (28.9%)	83 (100%)
Kemahiran	69 (83.1%)	14 (16.9%)	0 (0%)	83 (100%)
Sikap	5 (6%)	26(31.3%)	52 (62.7%)	83 (100%)

Daripada 83 orang guru, 13.3% guru mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. 57.8% guru menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana dan hanya 28.9% guru mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang pelaksanaan program transisi bagi murid berkeperluan khas. Ini menunjukkan, tahap pengetahuan guru adalah sederhana.

Seterusnya, dari aspek kesediaan kemahiran, dapatan menunjukkan bahawa majoriti guru mempunyai tahap kemahiran yang rendah iaitu 83.1%. 16.9 % guru

mempunyai tahap kemahiran yang sederhana dan tiada guru yang menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi.

Kesediaan guru daripada aspek sikap pada keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi iaitu 62.7%. Ini bermakna responden mempunyai sikap yang positif tentang pelaksanaan transisi kerja. 31.3% guru menunjukkan tahap sikap yang sederhana dan hanya 6% guru menunjukkan tahap sikap yang rendah.

Jadual 3 : Skor min tahap kesediaan guru bagi setiap aspek

Aspek	Min purata	Tahap
Pengetahuan	3.272	Sederhana (48%)
Kemahiran	1.855	Rendah (83.1%)
Sikap	3.71	Tinggi (62.7%)
Keseluruhan	2.946	Sederhana

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru-guru Pendidikan Khas dalam pelaksanaan transisi kerjaya murid berkeperluan khas dalam beberapa aspek merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Berdasarkan jadual 3, tahap min bagi setiap aspek adalah berbeza. Aspek sikap dalam pelaksanaan transisi kerja adalah paling tinggi (3.71), diikuti aspek pengetahuan (3.272) dan aspek yang rendah adalah kemahiran guru

iaitu 1.855. Secara keseluruhannya dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru adalah sederhana (2.946).

Perbincangan Dapatan Kajian

Hasil analisis kuantitatif dalam kajian ini menunjukkan kebanyakan guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana, tahap kemahiran yang rendah dan tahap sikap yang tinggi. Secara keseluruhannya, kesediaan guru-guru dalam pelaksanaan program transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas berada di tahap sederhana. Ini bertentangan dengan dapatan kajian Noraini dan Aliza (2016) ke atas guru-guru Pendidikan Khas di daerah Kluang, Johor yang mendapati tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan transisi kerjaya adalah pada tahap tinggi.

Dalam kajian tinjauan ini, 57% guru menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana. Pengetahuan dalam konteks kajian ini adalah pengetahuan tentang definisi program transisi kerjaya, cara pelaksanaan, peranan guru dan pengetahuan tentang pendekatan pelaksanaan transisi kerjaya. 81% guru menyatakan bahawa mereka kurang mendapat latihan dan pengetahuan yang secukupnya untuk merancang dan melaksanakan transisi kerjaya. Kebanyakan guru juga menyatakan mereka sukar mendapat informasi tentang transisi kerjaya. Pengetahuan adalah penting kerana menurut Siva dan Mohd Isa (2016) guru yang menguasai pengetahuan akan sentiasa kreatif dan kritis dalam keseluruhan pengajarannya. Oleh itu, pengetahuan tentang transisi kerjaya diperlukan kerana dari situ guru dapat merancang pelan transisi dan berkeyakinan dalam melaksanakannya pada murid berkeperluan khas. Sesungguhnya, guru yang berpengetahuan merupakan seorang guru yang berkesan.

Menurut Kamis (2014), kemahiran bermaksud kepandaian atau kemahiran yang dimiliki oleh individu dalam bidang pekerjaan tertentu yang bersifat teknikal. Mahir ialah terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar dan pandai. Dalam kajian ini, kemahiran yang dimaksudkan meliputi kemahiran vokasional guru untuk diaplikasikan pada murid untuk mereka pelajari, kemahiran menyediakan Rancangan Pengajaran Individu (RPI), kemahiran melaksana transisi dan kemahiran penilaian. Hasil dapatan bagi kemahiran guru dalam pelaksanaan transisi kerjaya berada pada tahap yang paling rendah. 83.1% guru menunjukkan tahap kemahiran yang rendah dengan min purata 1.855. Sepatutnya, kemahiran yang tinggi perlu ada pada setiap guru kerana dengan kemahiran yang dimiliki, guru dapat meningkatkan amalan pengajaran serta pentaksiran berdasarkan keperluan persekitaran pembelajaran pelajar (Wang, 2016). Disamping itu, tahap kemahiran yang baik akan meminimumkan kekangan dalam pelaksanaan transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas ini.

Seterusnya, kesediaan dari aspek sikap guru pula menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai sikap yang positif dalam pelaksanaan transisi kerjaya untuk murid

berkeperluan khas. Menurut Suzlina dan Jamaludin (2016) sikap boleh didefinisikan sebagai kelakuan, perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat. Disamping itu, sikap merupakan keyakinan terhadap sesuatu perkara atau pekerjaan disertai dengan wujudnya perasaan menerima atau menolak yang membawa kepada positif atau negatif dan ianya akan berubah mengikut pengalaman. Dalam kajian tinjauan ini, kebanyakan guru memandang program ini sebagai usaha yang baik untuk membantu murid berkeperluan khas dalam kerjaya masa depan mereka. 62.7% guru menunjukkan tahap sikap yang tinggi. Oleh itu, sokongan dan sikap positif yang ditunjukkan guru dalam kajian ini amat penting kerana akan menghasilkan perilaku bersungguh-sungguh dan semangat dalam melaksanakan transisi kerjaya bagi murid berkeperluan khas ini.

KESIMPULAN

Sikap merupakan elemen yang penting dalam merealisasikan sesuatu matlamat atau cita-cita. Sekiranya guru bersikap positif, maka akan terhasillah perilaku yang bersungguh-sungguh dan semangat dalam proses perancangan dan pelaksanaan transisi. Walaupun dapatan menunjukkan sikap yang tinggi, namun pengetahuan yang sederhana dan kemahiran yang rendah menjadi kekangan dalam menjayakan pelaksanaan transisi kerjaya di sekolah. Penyataan ini dipersetujui Siva dan Mohd Isa (2016), yang menyatakan persediaan yang tidak mencukupi dari segi pengetahuan dan kemahiran menyebabkan guru lemah semasa melaksanakan pengajaran. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, guru-guru dapat membuat penambahbaikan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (Norismayati et al. 2013 dan Sulaiman et al., 2014). Ini jelas menunjukkan bahawa dalam dunia pendidikan, pengetahuan dan kemahiran adalah saling bergandingan dan harus dikuasai oleh guru.

Tahap kesediaan guru yang sederhana perlu dipertingkatkan lagi untuk menjamin keberkesanan dalam pelaksanaan transisi bagi murid berkeperluan khas. Aspek kemahiran guru menjadi aspek penting yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan guru dalam kajian ini memandangkan ia memeroleh dapatan tahap yang paling rendah dan diikuti pula kesediaan pengetahuan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan pihak berkenaan memperbanyakkan bahan bacaan tentang kemahiran transisi dan modul-modul sebagai panduan. Pemerolehan kemahiran boleh didapati menerusi pengetahuan, latihan dan pelaksanaan yang berulang kali dan berterusan. Pihak universiti dan maktab pula boleh mempertingkatkan pemahaman guru terhadap pengetahuan tentang transisi kerja murid berkeperluan khas. Kursus-kursus berkaitan transisi kerjaya murid berkeperluan khas juga perlu diperbanyakkan. Sesungguhnya pengetahuan, kemahiran dan sikap menjadi kunci kepada keberkesanan

pelaksanaan program transisi bagi mempersiapkan murid berkeperluan khas ke alam kerjaya.

RUJUKAN

- Aliza Alias (2013). The Issues in Implementing Transition Program for Special Needs Students. *Asian Sosial Science*. 9(16):9-14
- Aliza Alias (2015). Program Transisi : Pembelajaran Melalui Pengalaman Bagi Pelajar Bemasalah Pembelajaran. *Volume 1 Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, (pp. 90-97).
- Bender, W.N. (2001). *Learning disabilities: characteristics, identification and teaching strategies*. 4th Ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Bruce A. Shields, Mindy S. Scirri, Michael R. Berta, Kara M. Klump (2016). Transition Services in Eight Rural Counties of Western New York: Views of Directors of Special Education. *Research Brief*. 41-44
- Clare Papay, Darlene D. Unger, Kendra Williams-Diehm, and Vickie Mitchell (2015). Begin With the End in Mind: Infusing Transition Planning and Instruction Into Elementary Classrooms. *Council for Exceptional Children*. 47(6): 310-318.
- Eggen, P. & Kauchak, D. (2007). *Educational Psychology: windows on classroom*. 7th Ed. Upper Saddle River: Pearson Education, Inc
- Erik W. Carter, Matthew E. Brock & Audrey A. Trainor (2014). Transition Assessment and Planning for Youth With Severe Intellectual and Developmental Disabilities. *The Journal of Special Education* 47(4):245–255.
- Kamis (2014). Keperluan Kompetensi Pengetahuan Rekaan Fesyen Pakaian Untuk Menceburkan Diri dalam Industri Fesyen. *Sains Humanika*, 2(4), 25–33
- Lauren Lindstrom, Kara A. Hirano, Colleen McCarthy & Charlotte Y. Alverson (2014). “Just Having a Job”: Career Advancement for Low-Wage Workers With Intellectual and Developmental Disabilities. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*. 37(1) 40– 49.
- Loh Sau Cheong & Sharifah Zainiyah Syed Yahya (2013). Effective Transitional Plan from Secondary Education to Employment for Individuals with Learning Disabilities: A Case Study. *Journal of Education and Learning*. 2(1): 104-117.
- Madinah binti mohd yusof (2016). *Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori Cognitive Information Processing (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 4(3):59-75.
- Noor Azizah binti Mohd Rasit (2011). Harapan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan, Pekerjaan Dan Pengurusan Kehidupan Anak Autisme. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Noraini Khamis & Aliza Alias (2016). Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Program Transisi di Sekolah. *International Conference on Special Education In Southeast Asia Region*. (pp. 556-560).
- Norismayati Aida Idris, Anida Sarudin & Mohd. Rashid Md. Idris. (2016). Amalan guru dan penguasaan aspek ilmulingustik dalam kalangan guru bahasa Melayu di Perak. *Journal Bahasa dan Sastra Melayu*, 4(2013): 116-142.
- Samuel B. Bernaldez (2015). Job internship of students in the transition program of Fourth Estate elementary school Special Education Center: *Scholarly Journal of Education* 4(4):57-71.
- Shogren, K. A., & Plotner, A. J. (2012). Transition planning for students with intellectual disability, autism, or other disabilities: Data the national longitudinal transition study-2. *Intellectual and Development Disabilities*, 50(1), 16-30. <http://dx.doi.org/10.1352/1934-9556-50.1.16>
- Siti Hajar Halili & Suguneswary (2016). Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Berasaskan Model Tam Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 4(2): 31-41
- Siti Mardziah Binti Aziz (2013). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah Agama Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Nor Idayu Mohd Nassir dan Mohammad Hisyam Mohd Hashim (2015). Pelaksanaan Program Transisi bagi Mempersiapkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (BPLMP) ke Alam Kerjaya. *Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015* (pp. 672-683). Malaysia : Kuala Lumpur.
- Siva sankar A/L R. Mahalingam & Mohd Isa Bin Hamzah (2016). Penggunaan Kaedah Inkuiri Penemuan dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research : Proceeding of ICECRS* (pp. 1-12) Malaysia : Universiti Utara Malaysia.
- Sulaiman, S. Norhaziah, M.S., Mohamad, I., Amily, M.S., Noriza, N. & Razana B. (2016). The development of the pedagogical content knowledge (PCK) Standard for Malaysian ICT Teachers. *Journal of ICT in Education*, 1(2014): 29-41.

Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sekolah

Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2):33-43.

Tiana Povenmire-Kirka, Karen Diegelmann, Kim Crumpa, Crystalyn Schnorr, David Testa, Claudia Flowers and Nellie Aspela (2015). Implementing CIRCLES: A new model for interagency collaboration in transition planning. *Journal of Vocational Rehabilitation* 42 (1):51–65.

Wagner, M., Newman, L., Cameto, R., Javitz, H., & Valdes, K. (2012). A national picture of parent and youth participation in IEP and transition planning meetings. *Journal of Disability Policy Studies*, 23, 140–155. doi:10.1177/1044207311425384

Wang, C.C & Che Nidzam Che Ahmad. (2016). Kajian pengintegrasian persekitaran pembelajaran konstruktivis dan kemudahan pendidikan dalam bilik darjah Sains. *Journal Sci. Math. Lett. UPSI*. 1 (2013): 18-27.